

14/10/1998

Tiga anggota baru perluas pasaran

Hatipah Ahmad

MALAYSIA yakin penyertaan tiga anggota baru dalam forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) iaitu Russia, Peru dan Vietnam, November ini, akan meningkatkan jumlah perdagangan di kalangan anggota kumpulan dialog itu.

Ketua Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Mohammed Abdul Halim Abdul Rahman, berkata dengan kemasukan secara rasmi ketiga-tiga negara itu, ia akan memberi peluang kepada anggota Apec untuk meneroka pasaran baru.

Russia, Peru dan Vietnam ialah tiga negara baru yang akan disahkan keanggotaannya secara rasmi pada sidang kemuncak Apec di Kuala Lumpur bulan depan.

Ketika ini, Apec dianggotai 18 negara iaitu Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Indonesia, Jepun, Korea, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Hong Kong, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat.

"Kemasukan anggota baru dijangka dapat meningkatkan secara ketara jumlah perdagangan di kalangan anggota Apec yang ketika ini menyumbang peratusan besar dalam perdagangan sejagat.

"Pada 1996, perdagangan anggota Apec menyumbang 46 peratus pada perdagangan sejagat dengan eksport berjumlah RM8.74 trilion (AS\$2.3 trilion) dan import pula sebanyak RM9.5 trilion (AS\$2.5 trilion).

"Dari segi perdagangan antara anggota pula, ia berjumlah RM13.41 trilion (AS\$3.53 trilion) dengan eksport RM6.76 trilion (AS\$1.78 trilion) dan import RM6.65 trilion (AS\$1.75 trilion).

"Bagi Malaysia pula, perdagangan negara dengan anggota Apec tahun lalu menyumbang 78 peratus dari perdagangan keseluruhannya, naik pada RM345.9 bilion tahun lalu dari RM122.5 bilion pada 1990," katanya pada sidang akhbar mengenai Pameran Perdagangan Antarabangsa Apec Ketiga 1998 di Kuala Lumpur, semalam.

Pameran itu akan diadakan pada 13 hingga 16 November di Pusat Perdagangan Antarabangsa Mines di Sungai Besi dan ia akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Matrade ialah organisasi tuan rumah pameran ini manakala FMM Exhibition Services Sdn Bhd dan Reed Exhibitions Sdn Bhd pula masing-masing ialah penganjur dan pengurus pameran.

Mohamed Abdul Halim turut mengesahkan pembabitan semua negara Apec termasuk Peru, Russia dan Vietnam dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa Apec Ketiga 1998 pada 13-16 November ini.

Katanya, seramai 20,000 pelawat dijangka mengunjungi pameran perdagangan itu.

Katanya, Matrade gembira semua negara bersetuju menyertai pameran perdagangan kali ini walaupun ada beberapa negara yang mengalami masalah berikutan krisis ekonomi semasa.

Beliau berkata, penyertaan ini memperlihatkan keyakinan semua pihak terhadap pertumbuhan ekonomi sejagat terutama di rantau ini dan peluang perniagaan yang terbuka luas.

Pameran perdagangan Apec kali bertema 'Ke arah Meluaskan Daya Saing Sejagat Menerusi Pembangunan Teknologi dan Sumber Manusia', adalah tempat terbaik untuk syarikat tempatan dan luar mempamerkan produk mereka termasuk perkhidmatan dan teknologi.

Antara produk dan perkhidmatan yang akan dipamerkan ialah komponen komputer berteknologi tinggi, peralatan elektrik dan telekomunikasi,

produk makanan, perabot, perbankan, komponen automotif dan khidmat perunding kejuruteraan.

Sehingga kini, lebih dari 60 syarikat tempatan termasuk syarikat besar dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sudah mengesahkan pembabitan mereka dalam pameran itu termasuk Petronas, DRB-Hicom, Telekom Malaysia Bhd, Golden Hope Plantations, Renong dan Celcom Malaysia Sdn Bhd.

(END)